PEGUAM CARA NEGARA MALAYSIA
SOLICITOR GENERAL MALAYSIA
Jabatan Peguam Negara, Malaysia (AGC)
Attorney General's Chambers, Malaysia (AGC)
No. 45, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel.: 03-8872 2000
Faks (Fax): 03-8890 5612
Portal Rasmi: www.agc.gov.my

Ruj. Kami : PN. BPA. (S) 152/263/2/2 Jld.37(84)
Tarikh : 15 Oktober 2026

Puan,

ARAHAN PERTUKARAN PEGAWAI UNDANG-UNDANG BILANGAN 183 TAHUN 2026

Arahan pertukaran pegawai yang berikut telah diluluskan dan berkuat kuasa pada 2 November 2026.

Bil.	Nama	Dari	Ke
1.	**Suloshani a/p Vijendran Vellupillai** Gred L10	Timbalan Pendakwa Raya Unit Pendakwaan Jabatan Peguam Negara Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Peguam Kanan Persekutuan Akademi Perundangan Negara Selangor Memangku Gred L12

2. Berhubung dengan urusan pemangkuan ini, saya ingin menarik perhatian Pegawai terhadap ketetapan (*ruling*) oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP) dalam mesyuaratnya yang ke-135 seperti yang berikut:

2.1. Tempoh minimum pemangkuan adalah satu (1) tahun;

2.2. Tarikh kenaikan pangkat adalah sehari selepas genap satu (1) tahun dari tarikh pemangkuan;

2.3. Tempoh maksimum pemangkuan adalah selama dua (2) tahun;

2.4. Pegawai-pegawai yang tidak diperakukan kenaikan pangkat selepas dua (2) tahun memangku dikemukakan semula ke SPKP untuk pertimbangan selanjutnya sama ada untuk ditamatkan atau dilanjutkan pemangkuan; dan

2.5. Tarikh kenaikan pangkat pegawai yang dilanjutkan tempoh pemangkuan adalah sehari selepas genap tempoh pemangkuan dilanjutkan.

3. Dalam mesyuaratnya yang ke-142 menetapkan bahawa pegawai yang menolak tawaran pemangkuan hendaklah dikenakan penalti dengan tidak dipertimbangkan untuk pemangkuan bagi tempoh satu (1) tahun dari tarikh surat penolakan/ tarikh melaporkan diri yang ditetapkan atau satu urusan, yang mana terkemudian.

4. Pegawai dikehendaki untuk sentiasa—

4.1. menggunakan e-mel AGC secara aktif;

4.2. merujuk Polisi Keselamatan Siber (PKS) yang boleh dicapai di Portal AGC dan Portal CVO;

4.3. menandatangani Surat Akuan Pematuhan PKS AGC;

4.4. mengakses dan merujuk Portal AGC dari semasa ke semasa;

4.5. mengemas kini myPortfolio, *MyPerformance* dan menyediakan Nota Serah Tugas di tempat bertugas sekarang; dan

4.6. memaklumkan Unit Pentadbiran/Aset untuk menyerahkan semula aset alih iaitu perabot dan peralatan ICT berserta Pas Keselamatan sebelum bertukar keluar.

5. Ketua Jabatan yang berkenaan diminta melaksanakan pertukaran ini dan mengambil tindakan sewajarnya serta mengemas kini data pegawai berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan HRMIS, Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM).

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"KERAHSIAAN MAKLUMAT KERAJAAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' SUZANA BINTI ATAN)

Kepada:

Suloshani a/p Vijendran Vellupillai

Salinan Kepada:

Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara
Putrajaya

Peguam Cara Negara II
Jabatan Peguam Negara
Putrajaya

Ketua-Ketua Bahagian
Jabatan Peguam Negara
Putrajaya

Ketua Pengarah
Akademi Perundangan Negara
Selangor

Penasihat Undang-Undang Negeri

Pengarah Pendakwaan Negeri